

Tiga kakitangan UMSKAL terima sumbangan wang ihsan PL

UB 4/1/2020 - 6

LABUAN: Tiga kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) telah menerima sumbangan wang ihsan bencana di bawah program kebajikan Perbadanan Labuan.

Ketua Pegawai Eksekutif PL, Dr. Fary Akmal Osman menyampaikan sumbangan tersebut kepada Erman Muhd Kadrih, Mohd Hafiz Khalid dan Mohd Nadzirul Rahmat di Bilik Mesyuarat Gemilang, Tingkat 4, Wisma Perbadanan Labuan, kel-

marin.

Pada majlis itu, beliau turut menyampaikan sumbangan kepada penduduk kampung yang terjejas banjir di Kampung Ranche-Ranche dan Kampung Sungai Miri.

Turut hadir Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Sosio Ekonomi PL, Salmah Beddu.

Fary berkata pihaknya akan terus membantu menangani menyelesaikan masalah banjir di UMS Labuan dan beberapa kampung den-

gan bantuan agensi kerajaan terbabit.

“Perbadanan Labuan (PL) akan mengambil tindakan segera terhadap masalah banjir yang melanda beberapa kawasan termasuk UMSKAL.

“PL akan bersama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Labuan menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk sekitar apabila tiba musim hujan,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penjumpaan dengan penduduk yang

terjejas akibat banjir di pejabatnya, kelmarin.

Fary menambah satu mesyuarat bersama JPS akan diadakan bagi menyediakan rangka tindakan yang perlu dan perancangan serta susun atur sistem perparitan yang lebih baik di kawasan terjejas.

“Kita juga akan turun padang ke kawasan-kawasan lain yang menghadapi masalah sama dan berharap semua pihak berganding bahu untuk menyelesaikan masalah ini,” katanya lagi.